

# USIM mampu menyerlah menerusi kewangan Islam

**Bandar Baru Nilai:** Minat dunia Barat terhadap industri perbankan dan kewangan Islam, mampu memperkenalkan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang mempunyai kepakaran bidang itu pada peringkat antarabangsa.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata bidang berkenaan menarik perhatian dan diterima Barat.

Beliau berkata, penerimaan itu terbukti apabila Perdana Menteri Britain, David Cameron, pada Oktober lalu, mengumumkan hasrat Britain sebagai negara bukan Islam pertama menerbitkan bon

Islam atau Sukuk.

“Selain bidang pengajian, perbankan dan kewangan Islam menjadi bidang yang Barat minat untuk pelajari dan kuasai.

## Bidang kepakaran USIM

“USIM yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini, melihat situasi itu sebagai peluang keemasan memperkenalkan diri di peringkat antarabangsa,” katanya pada majlis meraikan kejayaan USIM menerima anugerah Universiti Serantau Terbaik oleh Perhimpunan Perniagaan Eropah (EBA), semalam.

Pada Majlis Anugerah Socrates di Dewan Bandar Raya Oxford,



*Dr Asma (tengah) bersama barisan pentadbiran USIM menunjukkan sijil dan anugerah yang diterima daripada EBA.*

[FOTO NOR ADILA AB KADIR/BH].

London, minggu lalu, Dr Asma turut menerima Anugerah Pengurus Tahunan Terbaik.

Beliau juga menerima Anugerah Saintis Terbaik 2013 dalam majlis berasingan EBA, iaitu Sidang Kemuncak Pemimpin Pen-

didikan dan Sains Oxford:

Dr Asma berkata, pemilihan USIM sebagai Universiti Serantau Terbaik memberi impak besar kepada universiti itu kerana boleh menggunakan pengiktirafan itu selama lima-tahun untuk tujuan

pemasaran peringkat antarabangsa.

## Tingkat kedudukan universiti

“Perlu diakui, untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa, antara perkara pertama yang akan dinilai ialah kedudukan universiti mengikut penilaian tertentu seperti QS World Ranking University,” katanya.

Mengulas Anugerah Saintis Terbaik 2013 yang diterimanya, beliau berkata, 3,000 Naib Canselor membabitkan 25 universiti Eropah mengundi dalam talian memilih penerima anugerah itu.

“Anugerah ini bukan bersifat peribadi, tetapi terhadap USIM, berdasarkan sumbangan kepada pembangunan ilmu sains,” katanya yang menghasilkan Kit Tpyhidot, iaitu ujian diagnostik segera bagi mengesan demam kepialu yang dipasarkan di 18 negara.